

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERADUAN GAMBARFOTO DAN KARANGAN OLEH
KELAB ROTARY ANTARABANGSA
Lokasi : KELAB ALAM SHAH, SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN
Tarikh : 05-03-1988

Dif-Dif Kehormat; Puan-Puan dan Tuan-Tuan.

Saya merasa gembira kerana dapat bersama-sama dengan puan-puan dan tuan-tuan di majlis jamuan teh pada petang ini dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kelab Rotary Antarabangsa di atas jemputannya untuk menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang Peraduan Gambarfoto dan Karangan.

2. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Kelab Rotary Antarabangsa di atas usahanya mengendalikan peraduan gambarfoto dan karangan ini. Tentulah peraduan ini mendapat sambutan orang ramai dan memberi peluang kepada ahli-ahli senifoto mengambil bahagian.

3. Pada pendapat saya tema Kelab Rotary pada tahun ini iaitu "Rotarians: United in Service, Dedicated to Peace" amat sesuai kerana ia melambangkan kesemua tujuan dan objektif Kelab Rotary Antarabangsa. Di antara objektif-objektif Kelab Rotary Antarabangsa sebagai sebuah persatuan khidmat antarabangsa ialah mempergiatkan persefahaman dan muhibbah antarabangsa melalui Rancangan Perkhidmatan Antarabangsanya. Oleh yang demikian, setiap ahli Kelab Rotary memegang peranan yang penting, bukan sahaja untuk memberi bantuan kepada mereka yang kurang bernasib baik, malah mempergiatkan persahabatan dan muhibbah di antara mereka sendiri serta ahli-ahli Kelab-Kelab Rotary di seluruh dunia. Pencapaian keamanan, persefahaman dan muhibbah antarabangsa sepatutnya menjadi hasrat dan cita-cita semua ahli-ahli Kelab Rotary di seluruh dunia.

Puan-puan dan Tuan-tuan,

4. Kelab Rotary Antarabangsa terkenal sebagai sebuah persatuan sukarela yang memberi perkhidmatan kepada anggota-anggota masyarakat yang kurang bernasib baik.

Berbagai-bagai projek perkhidmatan masyarakat dan vokasional telah dijalankan oleh Kelab-Kelab Rotary di Malaysia dan juga di seluruh dunia. Ahli-ahli Kelab-Kelab Rotary tidak mengharap apa-apa keuntungan untuk diri mereka sendiri selain daripada rasa kepuasan bahawa khidmat mereka itu berfaedah kepada mereka yang memerlukan bantuan.

5. Saya difahamkan bahawa projek khas ini dianjurkan oleh Bekas Presiden, Dr. Yong Siew Onn, Wakil District Governor untuk Kumpulan Lima, Rotary International District 330 dengan kerjasama ahli-ahli daripada enam buah Kelab Rotary di Negeri Selangor Darul Ehsan. Apabila projek ini tamat nanti gambarfoto dan laporan mengenainya akan dihantar ke Kelab-Kelab Rotary di luar negeri.

6. Projek seperti ini harus dipuji dan digalakkan kerana ini bukan sahaja menjalin kerjasama dan persahabatan diantara ahli-ahli keenam-enam buah Kelab Rotary tersebut tetapi menaikkan lagi imej negara kita. Projek seperti ini sesungguhnya mencerminkan tema Kelab Rotary Antarabangsa pada tahun ini.

Para hadirin sekalian,

7. Saya ingin mengucapkan syabas kepada para peserta dan pemenang peraduan gambarfoto dan karangan ini. Mereka tentu sekali bangga kerana karya-karya mereka akan dipamerkan di luar negeri kelak. Nama mereka serta nama negara kita dengan sendirinya akan menjadi lebih terkenal di luar negeri.

8. Saya berharap peraduan ini akan mencapai objektif dan kejayaan seperti yang diharapkan.

Sekian, terima kasih.